

Bentuk Tatanegara dan Kedudukan Pemerintahan

(oleh: Hashim Hanafiah)

Para ahli sarjana dan tokoh-tokoh politik telah sebulat kata iaitu kewajipan pertama bagi satu-satu pemerintahan ialah menggubal undang-undang untuk negara itu, yang mana tugas tersebut dipanggil ((jawatan penggubal undang-undang negara)) Tugas kedua ialah menjalankan undang-undang yang sudah digubal, atau lain-lain perkataan ((memandu negara)), jawatan ini disebutkan ((jawatankuasa pelaksana)). Adapu¹ kedua jawatan ini (jawatan penggubal dan jawatan pelaksana undang-undang di dalam negara yang terbentuk, autokrasi. Adalah dilaksanakan oleh raja bagi negara itu sendiri dengan mengkesampingkan fikiran-fikiran rakyat, tidak seorang pun dibolehkan, untuk campur tangan dalam soal yang tersebut.

Didalam tatanegara demokrasi adalah berlainan sekali bentuknya, yang mana hal ini diselenggarakan oleh dua lembaga yang tertentu iaitu:

(1) Lembaga penggubal undang-undang (2) lembaga pelaksanaan undang-undang. Kedua-dua tugas ini apabila dilaksanakan oleh seluruh rakyat bagi negara itu dengan tidak ada sebarang perantaraan, maka negara itu dinamakan ((negara demokrasi secara langsung)). Direct democracy. Manakala dijalankan dengan melalui perwakilan rakyat, maka negara itu disebut ((Democracy berParliment)). atau ((Parliamentary Democracy)). dan

apabila dilaksanakan oleh wakil-wakil rakyat kemudian diserahkan semula kepada rakyat dalam hal yang tertentu untuk mendapat keputusan dari mereka, maka negara ini dipanggil ((negara demokrasi tidak langsung)) ((indirect democracy)) ikutlah seterusnya pengertian demokrasi :-

- 1) *Direct Democracy*
- 2) *Parliamentary Democracy*
- 3) *Indirect Democracy*

Direct Democracy.

Ialah sebuah negara demokrasi yang tuan negara itu terdiri dari seluruh yang mempunyai hak-hak berpolitik dan merekalah yang menyelenggarakan segala sesuatu dalam negara. Dari menggubal undang-undang sehingga kepada pelaksanaannya, ertinya ((seluruh rakyat)) bertanggungjawab didalam hal menggubah undang-undang, menyusun, meminda dan sebagainya, demikian juga halnya di dalam pelaksanaan undang-undang yang telah disahkan sama ada perhubungan luar atau urusan dalam negeri.

Bentuk demokrasi ini adalah satu-satunya pemerintahan yang tertua sekali, pernah dijalankan pada masa yang lampau iaitu di Greek dan Yunani, dalam negara-negara ini halnya seluruh rakyat, disatukan sehingga menjadi suatu persatuan rakyat, mereka berhimpun bersama-sama

¹ Perkataan sebenar ialah adapun

dalam beberapa kali setahun untuk membahaskan semua perkara dalam negeri seperti menggubal undang-undang, peraturan-peraturan keselamatan dalam negeri dan sebagainya adalah dengan persetujuan dari persatuan rakyat ini.

Jehn Juck Rewwsheew seorang ahli sarjana yang mempelopori demokrasi ini, berpendapat bahawa demokrasi inilah satu-satunya corak pemerintahan yang sesuai sekali dengan permulaan dan pengakuan kemerdekaan penuh bagi rakyat, kerana rakyat mempunyai pendapat dan tanggungjawab bersama dalam soal pemerintahan negara.

Satu corak kerajaan yang tidak menjalankan bentuk demokrasi yang seperti ini, maka pemerintahan itu tidak dinamakan ((pemerintahan demokrasi)) kerana demokrasi tulen, adalah didasarkan mengikut kehendak umum, kehendak umum tidak dapat dilaksanakan kalau tidak dari selurh rakyat, dalam erti kata lain ((dari sangat untuk rakyat dan kerana rakyat)). Demikian pendapat ahli sarjana Jehn Juck.

Oleh yang demikian beliau menyangkal bentuk kerajaan berparliment, kerana beliau berpendapat, bahawa soal ini adalah menyalahi kemerdekaan rakyat, yang mana kemerdekaan penuh dari rakyat itu tidak melalui perwakilan rakyat, oleh sebab perwakilan rakyat itu sendiri tidak dapat mencetuskan dan melahirkan hakikat yang sebenar mengikut dari apa yang menghendaki oleh rakyat, sebarang undang-undang yang tidak dapat dipersetujui oleh tiap-tiap rakyat, maka undang-undang itu tidak boleh diakui sah dan tidak juga boleh dijalankan.

Sambung beliau lagi, rakyat yang hidup dalam

negara berpaliment itu menyangka bahawa mereka adalah sebagai satu rakyat yang hidup menikmati udara kebebasan dan kemerdekaan penuh, tetapi pada hakikatnya sangkaan mereka itu salah, kerana mereka bebas dan merdeka dalam masa menjalankan undian dan waktu



Ahli jawatankuasa Badan Kemajuan Maktab

Perguruan Islam Kota Bharu Kelantan Tahun 1963.

Duduk dari kanan: Hasan Yusuf (Ketua Persuratan)

Abu Bakar (Ketua Umum) Khidir Ilyas (ketua Syarajan)

Berdiri dari kanan: Hashim Ihsan (Ketua Sukan)

Said Abdul Kadir (Ketua Barisan) dan Wan Ahmad

Harun (Ketua Taman Bacaan)- Kiriman: Hasnim.

pemilihan sahaja, apabila sudah selesai soal-soal pemilihan ini, rakyat akan kembali seperti sediakala, demikianlah pendapat John Juck dalam hal pembentukan negara Direct Democracy.

Apabila ditinjau dengan penuh hemah akan kedudukan pemerintahan dalam dunia ini, akan bentuk direct democracy itu tidak dapat hendak disesuaikan dalam dunia hari ini yang sedang berputar ligat membuat perubahan dan peralihan, ini adalah didasarkan kepada beberapa kenyataan dan bukti yang terang, bahawa rakyat-rakyat banyak bilangan penduduknya serta bertambah luas cara menjalankan pemerintahannya di negara demokrasi yang penuh kemerdekaan dalam hak berpolitik, yang mana tidak ada kemungkinan semua rakyat berkumpul disatu tempat untuk berbincang sesuatu yang berhubung dengan soal-soal negara, kerana tidak tiap-tiap orang rakyat negara itu berkeahlian dalam selok belok pemerintahan, atau lebih tegas ((soal menjalankan dan memimpin satu-satu negara itu dapat dijalankan oleh semua golongan rakyat.

Sungguhpun demikian, corak pemerintahan ((direct democracy)) ini mesti juga didapati sekarang ini dibeberapa wilayah kecil di Switzerland, kerana penduduk negari ini terlalu sedikit, itu pun direct democracy yang dijalankan disana tidaklah sebegitu tepat sebagaimana yang pernah dijalankan oleh pemerintah Greek dan Yunan dahulu, dimana seluruh rakyat wilayah itu berhimpun semua pada satu tempat yang tertentu, dalam perhimpunan inilah mereka memilih ketua negara mereka dan pembesar-pembesarnya sekali disamping menentukan ahli-ahli jawatankuasa untuk memandu negara dan anggota-anggota bagi merangkakan undang-undang dan

peraturan-peraturan negara, hal ini semuanya terlebih dahulu harus mendapat persetujuan dari semua rakyat yang telah diputuskan dalam perhimpunan ramai itu.

Pada akhirnya ahli sarjana John Juck selaku seorang yang paling kuat sekali mempertahankan dan mempropagandakan direct democracy memberi pengakuan ((bahawa keseluruhan rakyat tidak dapat hendak menjalankan atau turut sama mengendalikan sesuatu hal yang berhubung dengan pemerintahan dalam sesebuah kerajaan secara langsung, hanya rakyat dapat memberikan persetujuan atau pun tidaknya ada yang akan dilaksanakan oleh para perwakilan yang mereka pilih untuk menjalankan urusan pemerintahan negara.

Parliamentary Democracy atau

Democracy Berparlament

Demokrasi ini berasas kepada adanya Parliament (dewan rakyat), ahli-ahli dewan ini adalah terdiri daripada para perwakilan rakyat yang dipilih oleh rakyat sendiri. bentuk negara ini, bahawa yang menjadi tuan negara ialah seluruh rakyat negeri itu, yang mana rakyat negeri tersebut dan mereka adalah mempunyai hak yang sama dalam segala urusan kenegaraan, dalam urusan negara ini tidaklah dikendalikan oleh mereka sendiri (rakyat), tetapi dengan melalui para perwakilan yang dipilih oleh mereka. Para perwakilan ini dipanggil ((Ahli Majlis Mesyuarat Undangan), dan bergelar ((Ahli yang Berhormat)).

Seluruh rakyat menyerahkan segala tanggungjawab dan urusan negara kepada negara kepada wakil-wakil yang mereka pilih

itu, urusan tersebut adalah menjadi tanggungjawab yang mesti dipikul dan ditunaikan oleh para perwakilan rakyat, sebagaimana mengadakan dan membuat undang-undang atau peraturan-peraturan negara sehingga kepada pelaksanaannya seluruh urusan itu adalah atas nama rakyat bukan atas nama perseorangan.

Para sarjana dan tokoh-tokoh politik mempunyai pendapat yang sama, bahawa demokrasi secara langsung itu adalah suatu theory bernegara yang tidak mungkin lagi diterima dan diamalkan dalam dunia perkembangan ini. Kerana disebabkan oleh ramainya dan bertambah bilangan penduduk dunia juga wujudnya peringkat-peringkat manusia dijagat ini. Untuk zaman sekarang bentuk pemerintahan secara demokrasi berparliment atau negara yang

dipimpin melalui dewan rakyat itulah suatu sistem kerajaan yang paling baik dan layak sekali. Corak negara yang seperti ini adalah lebih sesuai dan lebih licin dari bentuk pemerintahan secara langsung, kerana soal memimpin negara atau mengemudikan negara bukanlah satu soal yang mudah dan senang, tetapi adalah suatu perkara yang sangat rumit dan berat sekali serta menghendaki tenaga yang banyak terutama tenaga fikiran dan masa yang cukup, apabila soal kenegaraan didukung oleh seluruh rakyat, maka banyak perkara akan tergendala kerana seluruh rakyat tidak berkesempatan penuh untuk menjalankan urusan negara disamping menjalankan urusan perseorangan, dan juga bukanlah seluruh rakyat negeri itu berkelayakan dan



Wanita-wanita Syria dalam tunjuk perasaan mereka dibandar Damshik menuntut penyatuan negeri Syria dengan Mesir; gambar President Jamal Abdul Al-Ansar kelihatan mereka julang sebagai tanda sokongan mereka yang kuat agar kedua negeri di satukan.

berkebolehan untuk menjalankan sesuatu yang berhubung dengan pemerintahan. Untuk mengatasi soal ini, maka itulah rakyat memilih wakil mereka bagi menjalankan urusan-urusan yang berkenaan dengan negara.

Demokrasi tidak langsung (Indirect Democracy)

Demokrasi ini ialah sebuah kerajaan yang mempunyai suatu bentuk diantara demokrasi berparlimen dan demokrasi secara langsung, pemerintahan yang serupa ini diasaskan kepada adanya Dewan Rakyat, yang mana wakil-wakil dewan itu adalah terdiri dari perwakilan yang dipilih oleh rakyat bagi menjalankan urusan rakyat sendiri didalam perkara-perkara yang tertentu mengikut apa yang telah ditepat dan dikanunkan oleh perlembagaan negara.

Demokrasi ini mempunyai 3 pokok yang penting :-

- 1) Cadangan rakyat
- 2) Bangkangan rakyat
- 3) Pungutan suara

1. Cadangan Rakyat

Tiap-tiap rakyat yang berhak mengundi, maka ia juga berhak memberi cadangan-cadangan dalam hal menggubah undang-undang sama ada undang-undang negara atau sebagainya. Cadangan dari rakyat ini ada kalanya merupakan buah fikiran semata-mata dan ada kalanya merupakan sebuah bentuk undang-undang yang lengkap, manakala cadangan-cadangan yang merupakan fikiran dan dikehendaki untuk dijadikan undang-undang, maka Dewan Rakyat yang bertanggungjawab bagi menyusun dan menjadikan fikiran-fikiran itu sebagai rakyat undang-undang,

kemudian dibentangkan pula kepada rakyat untuk mendapat keputusan dari mereka. dan apabila cadangan yang berupa undang-undang yang sudah lengkap, maka cadangan itu mestilah dibentangkan kepada Dewan Rakyat unruk mendapat persetujuan , dari Ahli Dewan itu, atau hanya disiarkan kepada umum untuk mendapat persetujuan bersama.

2. Bangkangan rakyat

Rakyat yang berhak munda, ia berhak pula membuat sebarang bangkangan terhadap undang-undang yang dikeluarkan oleh parliament dari tarikh permulaan undang-undang itu disiarkan kepada umum mengikut masa yang dihadkan. Sekiranya rakyat tidak memajukan sebarang bangkangan terhadap undangan tersebut didalam masa ditentukan, maka undang-undang itu adalah diakui sah dan lulus, dan tidak dibolehkan lagi sesudah itu untuk membuat sebarang bangkangan yang telah diakui sah itu, tetapi apabila rakyat membuat bangkangan kepada undang-undang yang dikemukakan oleh dewan itu dalam masanya yang ditetapkan, maka undang-undang itu gugur.

3. Pungutan Suara

Pemungutan suara ini adalah dilakukan oleh Dewan Rakyat sendiri yang mengadakan undang-undang, yang mana rang undang-undang tersebut dibentang terlebih dahulu kepada rakyat sebagai mengambil fikiran mereka sekiranya dipersetujui oleh rakyat, maka undang-undang itu diakui sah dan berjalanlah kuat kuasanya. Manakala rakyat menolak dan tidak bersetuju, maka undang-undang itu gugur dengan sendirinya dan tidak boleh dijadikan sebagai undang-undang.